

Kementerian percepat projek RM3b

BH 30 AUG 2001

Oleh Nurul Hazren
Masitom

PUTRAJAYA, Rabu — Kementerian Pengangkutan akan mempercepatkan pelaksanaan projek di bawah seliaannya yang menerima peruntukan kira-kira RM3 bilion bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Projek berkenaan termasuk pembesaran lapangan terbang di beberapa negeri, termasuk Alor Star, Kedah; Tawau, Sabah serta Miri, Bintulu, Sibul serta beberapa kawasan pedalaman di Sarawak, selain pembinaan landasan kereta api.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata setakat ini kira-kira RM1 bilion sudah dibelanjakan untuk tujuan itu yang mana bakinya perlu dibelanjakan dengan bijak bagi merang-

Usaha menyegerakan projek adalah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara

sang ekonomi negara.

“Tahun lalu, kementerian membelanjakan 100 peratus peruntukan yang diberi dan tahun ini kita perlu menghabiskan peruntukan berkenaan secepat mungkin.

“Kementerian menerima 20 peratus daripada RM110 bilion peruntukan untuk sektor pengangkutan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8),” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet, di sini hari ini.

Dr Ling berkata, dalam mesyuarat Kabinet ‘hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggesa semua kementerian membelanja-

kan peruntukan yang diberi untuk melaksanakan projek tertentu bagi menjana ekonomi.

Justeru, beliau berkata, untuk mempercepatkan projek pembinaan seperti landasan kereta api, kontraktor yang sudah dipilih boleh mula menjalankan kerja tanpa perlu menunggu jururunding dilantik menyiapkan sepenuhnya kajian mereka.

“Langkah mempercepatkan pembinaan landasan atau lapangan terbang juga bagi membolehkan pembekal peralatan pembinaan terus menjalankan urusan niaga dan membantu menggerakkan ekonomi,” katanya.